

03/09/1998

Krugman hantar surat terbuka kepada Mahathir

KUALA LUMPUR, Rabu - Pakar ekonomi Amerika Syarikat, Paul Krugman yang menyokong betapa perlunya ada kawalan dalam pertukaran mata wang di dalam artikelnya di majalah Fortune baru-baru ini menghantar surat terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan harapannya agar 'langkah polisi dramatik' yang diambil oleh Malaysia bakal berhasil.

Sambil melahirkan rasa terkejutnya terhadap langkah itu, Krugman berkata, dia turut berasa bertanggungjawab terhadap perubahan polisi berkenaan, kerana telah mencadangkan kawalan sementara pertukaran mata wang sebagai sebahagian daripada penyelesaian masalah di Asia.

Bagaimanapun, Perdana Menteri dalam temuramah di televisyen semalam berkata, kerajaan telah mengkaji pilihan itu beberapa bulan sebelum membuat keputusan untuk melaksanakannya.

Krugman berkata: "Pelaksanaan kawalan pertukaran tentunya satu langkah yang berisiko dan tidak menjanjikan kejayaan. Ia seperti yang dinyatakan oleh banyak pihak adalah langkah sementara."

"Tiada apa yang perlu dimalukan: Seseengah jurang memang perlu dihentikan. Bagi memastikan kejayaan polisi baru itu, keputusan yang bebas hasil daripada kesediaan anda untuk tidak mengendahkan pandangan ortodoks perlulah digunakan," kata Krugman, seorang profesor ekonomi di Massachusetts Institute of Technology.

Beliau mencadangkan empat 'prinsip panduan'. Pertamanya, kata beliau, ialah pelaksanaan kawalan itu perlulah mempunyai kesan gangguan yang minimum terhadap perniagaan, sambil menambah bahawa, polisi yang mempunyai konsep begitu baik sekali pun akan tergapai-gapai jika tidak betul-betul difikirkan.

Katanya, seseengah polisi itu perlu diperbetulkan. Beliau merujuk kepada contoh, di mana rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara hanya dibenarkan membawa sejumlah kecil mata wang yang dianggapnya sebagai tidak munasabah.

Keduanya, beliau berkata, kawalan selalunya mempunyai gangguan yang serius kepada ekonomi dan sehubungan itu ia hendaklah dianggap sebagai sesuatu yang berbentuk sementara bagi memberi peluang untuk bernafas sebelum menuju kepada pemulihan dalam ekonomi dan bukannya sebagai sesuatu yang kekal bagi Malaysia menjauhkan dirinya daripada pasaran modal dunia.

"Adalah satu idea yang bagus sekiranya dinyatakan rancangan bila kawalan itu akan ditarik balik - mungkin tiga tahun dari sekarang ataupun kurang - dengan kemungkinan penarikan lebih awal apabila ekonomi kembali pulih," kata beliau.

Ketiganya, Krugman berkata, pengalaman menunjukkan bahawa kawalan pertukaran lebih membawa keburukan jika ia digunakan untuk melindungi mata wang yang terlebih nilai seterusnya secara beransur daripada menjadikannya sebagai perlindungan sementara daripada kegiatan spekulasi kepada sistem kekal untuk melindungi perdagangan.

"Malaysia tidak memerlukan ringgit yang kukuh, sebaliknya ia memerlukan kadar pertukaran sebenar yang kompetitif bagi meningkatkan eksport," katanya.

Menurut beliau, yang kelimanya ialah, kawalan itu perlulah dijadikan sebagai sesuatu yang membantu kepada pemulihan dan bukannya sebagai alternatif kerana tujuannya adalah untuk memberikan ruang kepada pelaksanaan lebih banyak polisi kewangan dan fiskal seterusnya

menggalakkan pemulihan dalam ekonomi benar.

Pemulihan akan mengurangkan masalah kebangkrapan dalam sektor korporat dan pinjaman tidak berbayar (NPL) dalam sistem perbankan.

Tetapi, ia tidak akan menghilangkan terus masalah itu dan oleh yang demikian ruang bernafas yang disediakan hasil daripada kawalan itu hendaklah digunakan untuk mempercepatkan dan bukan melembabkan usaha mengatasi masalah kewangan.

Rumusannya, Kruger mengingatkan peralihan polisi itu hendaklah digunakan semata-mata untuk memberi ruang kepada pertumbuhan ekonomi

"Ia tidak seharusnya digunakan sebagai percubaan untuk membuktikan kekukuhan ekonomi sebelum krisis ini atau ketidak perikemanusiaan dana lindung nilai atau lain-lainnya.

Jika Malaysia benar-benar berjaya mencapai pemulihan, ia akan menjadi pengajaran kepada semua," kata Krugman.

(END)